

**Kertas Statut 144 Tahun 2025
MALAYSIA**

DIBENTANGKAN DALAM DEWAN NEGARA/RAKYAT MENURUT STATUT

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

MENURUT seksyen 5 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], Yang di-Pertuan Agong mengarahkan supaya Kertas Statut 235 Tahun 1983 yang bertarikh 30 Ogos 1983 mengenai elaun dan keistimewaan bagi Ahli Parlimen dipinda seperti yang berikut:

Perenggan 1E baharu

1. Kertas Statut No. 235 tahun 1983, yang disebut “Kertas Statut ibu” dalam Kertas Statut ini, dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 1D perenggan 1E baharu yang berikut:

“1E. ELAUN AHLI PARLIMEN YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KAMAR KHAS SECARA SEMENTARA

Ahli Parlimen yang diminta oleh Tuan Yang di-Pertua untuk mempengerusikan mesyuarat Kamar Khas secara sementara di bawah Peraturan Mesyuarat 16(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat layak dibayar elaun sebanyak RM200 sehari bagi setiap hari beliau mempengerusikan mesyuarat Kamar Khas.”.

Perenggan 1F baharu

2. Kertas Statut ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 1E baharu perenggan 1F baharu yang berikut:

“1F. ELAUN AHLI PARLIMEN YANG MEMPENGERUSIKAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

Ahli Parlimen yang mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas layak dibayar elaun sebanyak RM250 sehari bagi setiap hari beliau mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas itu.”.

Pindaan perenggan 4

3. Perenggan 4 Kertas Statut ibu dipinda —

(a) dalam subperenggan *(b)*, dengan menggantikan perkataan “RM400” dengan perkataan “RM600”; dan

(b) dalam subperenggan *(c)*, dengan menggantikan perkataan “RM80” dengan perkataan “RM100”.

Pindaan perenggan 5

4. Perenggan 5 Kertas Statut ibu dipinda dalam subperenggan *(c)*, dengan memasukkan selepas perkataan “hotel/apa-apa penginapan sewa” perkataan “atau lojing”.

5. Arahan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Ogos 2025.

Dibuat 21 Ogos 2025

[PAR.100-2/PUU/D/2 (7)]

Dengan Titah Perintah Baginda

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri

[Hendaklah dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen menurut seksyen 5 Akta Parlimen (Saraan) 1980

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) ACT 1980

PURSUANT to section 5 of the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [*Act 237*], the Yang di-Pertuan Agong directs that Statute Paper 235 of 1983 dated 30 August 1983 as regards the allowances and privileges of a Member of Parliament is amended as follows:

New paragraph 1E

1. Statute Paper No. 235 of 1983, which is referred to as the “principal Statute Paper” in this Statute Paper, is amended by inserting after paragraph 1D the new paragraph 1E as follow:

“1E. Allowance for Member of Parliament Chairing Special Chamber Meeting Temporarily

A Member of Parliament requested by the Tuan Yang di-Pertua to chair a Special Chamber meeting temporarily under Standing Order 16(5) of the Standing Orders of the Dewan Rakyat is eligible to be paid an allowance of RM200 a day for each day he chairs the Special Chamber meeting.”.

New paragraph 1F

2. Principal Statute Paper is amended by inserting after the new paragraph 1E the new paragraph 1F as follow:

“1F. Allowance for Member of Parliament Chairing Special Select Committee

A Member of Parliament who chairs a Special Select Committee is eligible to be paid an allowance of RM250 a day for each day he chairs the Special Select Committee meeting.”.

Amendment of paragraph 4

3. Paragraph 4 of the principal Statute Paper is amended—

(a) in subparagraph (b), by substituting for the word “RM400” with the word “RM600”;
and

(b) in subparagraph (c), by substituting for the word “RM80” with the word “RM100”.

Amendment of paragraph 5

4. Paragraph 5 of the principal Statute Paper is amended in subparagraph (c), by inserting after the word “hotel/any rented accommodation” the word “or lodging”.

5. This Direction shall be deemed to have come into operation on 28 August 2025.

Made 21 August 2025
[PAR.100-2/PUU/D/2 (7)]

By His Majesty’s Command

DATO’ SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Prime Minister

[Shall be laid before each House of Parliament pursuant to section 5 of the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980]